

**BELANJAWAN: Najib Bentang Belanjawan 2013 Berpaksi Kesejahteraan Rakyat Bernama
28 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Jumaat membentangkan Belanjawan 2013 yang menggariskan lima fokus utama untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di seluruh negara.

Belanjawan yang dibentangkan Najib yang juga Menteri Kewangan itu juga bertujuan memastikan pertumbuhan ekonomi mapan, perbelanjaan berhemah dan mengurangkan defisit fiskal negara dengan matlamat keseluruhan mengutamakan kesejahteraan rakyat.

"Kerajaan akan memastikan rakyat mendapat perkhidmatan terbaik serta manfaat maksimum hasil daripada pelaksanaan program dan projek pembangunan," katanya ketika membentangkan Belanjawan 2013 berjumlah RM251.6 billion di Dewan Rakyat, di sini.

Belanjawan bertemakan "Memakmur Negara, Mensejahtera Rakyat : Sebuah Janji Ditepati" itu bakal memberi keselesaan kepada pelbagai lapisan masyarakat termasuk masyarakat desa, petani, buruh, nelayan, guru, pekebun kecil, pensyarah, karyawan, penjawat awam dan golongan profesional serta usahawan.

Najib berkata pada 2013, berdasarkan persekitaran ekonomi global yang dijangka lebih baik, pertumbuhan ekonomi negara diunjur berkembang lebih kukuh pada kadar 4.5 hingga 5.5 peratus.

"Julung kalinya, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) nominal dijangka melepasi paras RM1 trilion," katanya.

Daripada keseluruhan peruntukan RM251.6 bilion itu, sejumlah RM201.9 bilion ialah bagi perbelanjaan mengurus dan RM49.7 bilion bagi peruntukan pembangunan.

Dari segi kutipan hasil Kerajaan Persekutuan bagi 2013, Najib berkata jumlahnya dianggarkan RM208.6 bilion, berbanding RM207.2 bilion tahun ini.

"Dengan mengambil kira anggaran hasil dan perbelanjaan, defisit Kerajaan Persekutuan akan berkurangan kepada empat peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi 2013, berbanding 4.5 peratus pada 2012.

"Ini menunjukkan kerajaan komited untuk terus mengurangkan defisit fiskal ke paras lebih rendah," kata perdana menteri.

Kerajaan memperuntuk RM232.8 bilion untuk Belanjawan 2012, termasuk RM181.6 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM51.2 bilion bagi perbelanjaan pembangunan.

Sementara itu, lima fokus yang diberi penekanan dalam Belanjawan 2013 ialah merangsang aktiviti pelaburan; memperkasa pendidikan dan latihan; membudaya inovasi meningkatkan produktiviti; konsolidasi fiskal dan mempercepat penyampaian perkhidmatan awam; dan mensejahterakan rakyat.

Memperinci usaha kerajaan untuk mensejahterakan hidup rakyat, Najib mengumumkan beberapa langkah yang antaranya menyentuh isu perumahan, mengurangkan kadar jenayah, usaha membanteras rasuah, mengurangkan jurang pembangunan bandar dan luar bandar, kesihatan serta bantuan dan insentif rakyat.

Susulan pemberian pertama Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), perdana menteri mengumumkan pemberian BR1M 2.0 bagi ketua isi rumah berpendapatan RM3,000 ke bawah yang turut diperluas kepada individu bujang berumur 21 tahun ke atas yang berpendapatan tidak melebihi RM2,000 sebulan. Individu bujang akan menerima sebanyak RM250.

Ia memanfaatkan 4.3 juta isi rumah dan 2.7 juta individu bujang melibatkan peruntukan RM3 bilion yang akan mula dibayar mulai awal 2013.

Sebagai respons kepada rungutan rakyat berhubung isu harga rumah yang tinggi, peruntukan RM1.9 bilion disediakan untuk membina 123,000 unit rumah dengan harga berpatutan di kawasan-kawasan strategik.

Najib berkata PR1MA akan membelanjakan RM500 juta untuk membina 50,000 unit rumah di bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur, Shah Alam, Johor Baharu, Seremban dan Kuantan, dengan harga jualan antara RM100,000 dan RM400,000.

Bagi Program Rumah Mesra Rakyat untuk 2013, SPNB akan membina 21,000 unit rumah berharga RM65,000 dengan subsidi RM20,000 serta subsidi kadar faedah ke atas pinjaman sebanyak dua peratus.

Selain itu, Skim Rumah Pertamaku turut ditambah baik dengan meningkatkan had pendapatan peminjam perseorangan daripada RM3,000 kepada RM5,000 sebulan atau RM10,000 bagi pinjaman bersama suami-isteri.

Di samping itu, syarat keperluan simpanan tiga bulan deposit serta tempoh minimum bekerja enam bulan juga akan dimansuhkan.

Bagi keperluan pinjaman penjawat awam, kerajaan akan menyusun semula Bahagian Pinjaman Perumahan dengan mengekalkan malah menambah-baik segala manfaat dan bantuan sedia ada.

Najib juga tidak melupakan golongan muda dengan mengumumkan beberapa inisiatif untuk mereka termasuk diskaun bayaran Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), meneruskan program Baucer Buku 1Malaysia dan rebat pembelian telefon mudah alih pintar 3G.

Bagi rebat bayaran PTPTN, diskaun 20 peratus akan diberi kepada peminjam yang menyelesaikan hutang sekaligus bermula 1 Okt 2012 hingga 30 Sept 2013, dan diskaun 10 peratus setahun diberi kepada mereka yang membayar pinjaman secara konsisten mengikut jadual mulai 1 Okt 2012.

Kerajaan juga akan meneruskan pemberian persekolahan RM100 kepada pelajar sekolah rendah dan menengah, melibatkan 5.4 juta pelajar dengan peruntukan RM540 juta yang akan mula dibayar pada Januari 2013.

Turut dicadangkan pelepasan cukai sedia ada RM4,000 bagi pendidikan tinggi anak-anak dinaikkan ke RM6,000 mulai tahun taksiran 2013.

Najib turut menyampaikan berita gembira untuk kira-kira 1.4 juta penjawat awam dengan mengumumkan bonus satu setengah bulan gaji termasuk setengah bulan yang telah dibayar menjelang Aidilfitri lepas.

"Sejumlah setengah bulan lagi akan dibayar pada Disember dan setengah bulan gaji lagi akan diberi pada Januari," katanya yang turut mencadangkan pemberian bonus RM500 kepada pesara kerajaan.

Selain itu, bakal haji yang mencarum dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja akan dibenar mengeluarkan simpanan dari Akaun 2 bagi menampung kekurangan kos tambang dengan maksimum pengeluaran sehingga RM3,000. Kemudahan ini terhad kepada jemaah muassasah.

Kerajaan turut mencadangkan kadar cukai pendapatan individu diturunkan satu mata peratusan bagi setiap kumpulan pendapatan bercukai tahunan lebih RM2,500 hingga RM50,000.

"Langkah ini akan mengeluarkan 170,000 pembayar cukai daripada membayar cukai serta pembayar cukai pendapatan sedia ada juga menikmati penjimatan bayaran cukai mereka," kata Najib.

Untuk memperkasa bidang pendidikan dan latihan, Najib berkata RM38.7 bilion diperuntuk bagi sektor pendidikan iaitu 15 peratus daripada keseluruhan peruntukan Belanjawan 2013.

Peruntukan tambahan RM500 juta disediakan bagi meningkatkan kemahiran guru dalam pengajaran subjek teras iaitu Bahasa Kebangsaan, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik, melalui pendekatan 'Higher Order Thinking Skills', katanya.

Kerajaan juga akan melancarkan 'Graduate Employability Blueprint' (GET) hujung tahun ini ke arah memperkukuh kebolehpasaran graduan, kata Najib.

Bagi merangsang aktiviti pelaburan, Najib antara lain mengumumkan penyediaan Dana Strategik Pelaburan Domestik bernilai RM1 bilion di bawah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bertujuan mempercepat penyertaan syarikat Malaysia dalam rantaian bekalan global.

Dalam usaha mempergiat perusahaan kecil dan sederhana (PKS), dana RM1 bilion akan disediakan melalui Skim Pembangunan PKS bagi memudahkan akses kepada pembiayaan dan memajukan perniagaan mereka.

Di bawah Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) pula, RM350 juta termasuk RM50 juta untuk Skim Usahawan Masyarakat India, disediakan bagi pembiayaan usahawan kecil dan sederhana (SME).

Kerajaan juga akan terus memperhebat pelaksanaan 12 Bidang Utama Ekonomi Negara melalui peruntukan RM3 bilion, termasuk RM1.5 bilion bagi projek pertanian serta RM500 juta untuk projek 'River of Life' bagi mencantikkan Sungai Klang.

Sempena Tahun Melawat Malaysia 2013/2014 pula, kerajaan akan memperuntuk RM358 juta dengan sasaran 26.8 juta pelancong, kata Najib.

Untuk masyarakat tani dan nelayan, Najib buat julung kalinya memperkenalkan Skim Perlindungan Takaful Padi yang dijangka memanfaatkan 172,000 pesawah, selain pemberian elaun sara hidup RM200 sebulan kepada 55,000 nelayan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=698057>